



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PEMBELAJARAN DI KALANGAN WARGA TUA INDIA: DI BARAT
LAUT RAWANG**

THAMAITHI A/P DURASINGHAM.

FPP 2005 33



**PEMBELAJARAN DI KALANGAN WARGA TUA INDIA: DI BARAT
LAUT RAWANG**

Oleh

THAMAITHI A/P DURASINGHAM

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia,
Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2005



Dedikasi

Kepada

Ibu bapa saya

Encik Durasingham

&

Puan Muniamah

Adik beradik dan suami saya serta saudara mara, jiran dan sahabat saya

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk ijazah Masters

**PEMBELAJARAN DI KALANGAN WARGA TUA INDIA: DI BARAT LAUT
RAWANG**

Oleh

THAMAITHI A/P DURASINGHAM

Februari 2005

Pengerusi : Profesor. Madya Mazanah Muhamad, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan meninjau pembelajaran di kalangan warga tua India di Malaysia. Kajian ini berpandukan soalan berikut: (1) Siapakah warga tua India, (2) Adakah mereka masih belajar? Jika ya apakah yang mereka belajar dan mengapakah mereka belajar, (3) Bagaimanakah orang tua India belajar dan (4) Apakah yang mempengaruhi pembelajaran orang tua India pada hari tua mereka.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian kes. Responden kajian terdiri daripada 14 orang warga tua India yang berusia 60 tahun ke atas di bahagian barat laut Rawang. Kaedah temu duga secara mendalam dalam Bahasa Tamil dijalankan untuk mengumpul data kajian. Tringulasi, perundingan setara dan pemeriksaan ahli turut digunakan untuk meningkatkan kesahihan data.

Dapatan menunjukkan bahawa responden sihat dari segi fizikal. Sungguhpun nampak tua dengan rambut yang beruban dan kulit yang berkedut, namun responden kuat dan aktif. Mereka mempunyai pendengaran dan penglihatan yang baik. Hampir kesemua responden bekerja dan yang selebihnya menampung hidup dengan pencen, keluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan wang simpanan persendirian. Responden



berkahwin dan mempunyai antara tiga hingga lima orang anak. Mereka tinggal dalam keluarga luas bersama anak lelaki yang telah berumah tangga. Secara kebetulan kesemua responden gembira mengharungi zaman tua mereka. Walau bagaimanapun responden tidak berpendidikan tinggi.

Dapatan juga menunjukkan bahawa aspek pembelajaran responden meliputi lima aspek utama iaitu kesihatan, pekerjaan dan tugas di rumah, keagamaan, isu semasa dan kebajikan keluarga. Sehubungan ini responden menggunakan teknik pembelajaran arah sendiri, secara perbincangan, berasaskan media massa, pengalaman dan pembelajaran berasaskan dalam konteks. Tambahan lagi dapatan mengemukakan lapan faktor yang mempengaruhi aktiviti pembelajaran warga tua India.

Lima kesimpulan dapat dibuat daripada kajian ini iaitu warga tua India (1) mempunyai latar belakang sosioekonomi rendah, (2) mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat yang bersesuaian dengan kehidupan semasa secara tidak formal dan kebetulan (*incidental*) seperti pembelajaran arah sendiri, secara perbincangan, berasaskan pengalaman, dalam konteks dan berpandukan media massa; (3) belajar aspek kehidupan seperti kesihatan, pekerjaan, keagamaan, kebajikan dan isu semasa setelah didorong oleh perubahan dan pembangunan yang dialami semasa tua; (4) melalui proses pembelajaran yang dipengaruhi oleh nilai dan corak kehidupan seperti hidup berdikari, kesihatan, prihatin kepada keluarga, sosialisasi dan perasaan keseorangan mempengaruhi pembelajaran warga tua India dan (5) belajar aspek kehidupan berbeza pada peringkat umur berlainan. Dengan ini ternyata bahawa pembelajaran responden dibentuk oleh konteks, budaya atau komuniti, pengalaman, masalah, keperluan dan aktiviti itu sendiri.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in partial
fulfilment of the requirement for the degree of Masters of Science

LEARNING AMONG INDIAN ELDERLY: IN NORTH WEST OF RAWANG

By

THAMAITHI A/P DURASINGHAM

February 2005

Chairman : Associate Professor. Mazanah Muhammad, PhD

Faculty: Educational Studies

The purpose of this study was to examine learning in the Indian elderly in Malaysia. The study was guided by four research questions: (1) Who are the Indian elderly? (2) What and why the Indian elderly learn? (3) How do the Indian elderly learn? and (4) What influence their learning at their age?

A qualitative method with a case study was used in the research. Respondents comprised fourteen Indian elderly 60 years and above from northwest Rawang. In-depth interview in Tamil was conducted in gathering the data. Triangulation, peer consultation and member check were used to increase the validity of the data.

Findings indicated that, the respondents were physically fit. Even though they looked old, grey haired and wrinkled they were nonetheless strong, active and had good eyesight and hearing. Almost all were working. Some survived on their pension, Employee Providence Fund and personal savings. The respondents were married with three to five children. They lived in extended families with their married son. However the respondents were not highly educated. Coincidentally all respondents were leading a happy life.

Findings also indicated that the respondent's learning activities consisted of five major aspects, namely health, job and tasks, religion, current issues and family welfare. The respondents utilized few learning techniques such as self directed learning, discussion, mass media, experiential learning and contexts based learning to learn those aspects. Findings also suggested there were eight major issues that influenced the learning among the Indian elderly.

Five conclusions were made from the study that the Indian elderly (1) were from poor socioeconomic background, (2) practiced informal and incidental lifelong learning which is relevant to their old age such as self directed learning, discussion, mass media based, experiential learning and contexts based learning, (3) learned various aspects of life such as health, job and task, religion, welfare and current issues due to the changes and development experienced in their old age (4) went through learning processes that were influenced by their values and lifestyle such as independent life, health, family conscious, socialization and loneliness (5) learned different aspects of life at different age levels. Therefore it is learned that the respondents learning was shaped by context, culture or community, experience, problems or tasks, needs and the activity itself.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih khas buat kedua-dua ibu bapa saya atas dorongan, sokongan yang tidak ternilai dan kesabaran sepanjang pembelajaran saya. Ibu bapa saya sentiasa memberikan keyakinan yang menjadi titik tolak kejayaan saya. Bagi adik beradik dan suami saya sekalung ucapan terima kasih kerana memberikan erti yang besar bagi buku ini. Keluarga saya sering menjadi tulang belakang dalam tesis ini. Kesabaran dan sokongan moral yang dihulurkan oleh ahli keluarga saya inilah telah menentukan kejayaan diri ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatan Kuasa iaitu, Dr Khairuddin Idris dan Dr. Malachi Edwin. Mereka bukan sahaja menjadi petunjuk, malah telah mendorong dan menasihati saya dalam melengkapkan tesis ini. Bagaimanapun, ucapan terima kasih khas bagi penyelia saya, Dr.Mazanah Muhammad atas dorongan, sokongan, tunjuk ajar, nasihat dan keprihatinannya. Pendek kata motivasi ketiga-tiga Ahli Jawatan Kuasa inilah yang telah memantapkan keyakinan diri saya, untuk menutupkan muka surat terakhir dengan jayanya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kawan, saudara mara, jiran dan pihak lain yang turut membekalkan sokongan sepanjang pembelajaran, khususnya kerja tesis. Sekali lagi, ucapan terima kasih buat Pn. Shanmugawally dan Pn. Parvathy yang banyak membantu saya dalam melengkapkan tesis ini. Akhirnya, saya juga ingin menggunakan peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada responden saya yang telah bekerjasama untuk menjayakan kerja tesis ini.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Thamaithi a/p Durasingham telah mengadakan peperiksaan akhir pada 17 Februari 2005 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Pembelajaran di Kalangan Warga Tua India di Barat Laut Rawang” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid, PhD

Profesor Madya
Institut Gerontologi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hajah Mazanah Muhamad, PhD


Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Malachi Edwin a/l N. Vethamani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Khairuddin Idris, PhD

Fakulti Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



ZAKARIAH ABD. RASHID, PhD
Profesor/Timbangan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 APR 2005

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

MAZANAH MUHAMAD, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

KHAIRUDDIN IDRIS, PhD

Fakulti Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

MALACHI EDWIN a/I VETHAMANI, PhD

Fakulti Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)




AINI IDERIS, PhD
Profesor/ Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 MAY 2005



PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia



THAMAITHI A/P DURASINGHAM

Tarikh: 16 MAC 2005

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	ix
PENGAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv

BAB

I	LATAR BELAKANG KAJIAN	1
	Penduduk Rawang	5
	Dasar Warga Tua Negara	10
	Pernyataan Masalah	11
	Objektif dan Soalan Kajian	13
	Kepentingan Kajian	14
	Limitasi Kajian	15
	Definisi Istilah	16
	Ringkasan	17
II	SOROTAN LITERATUR	18
	Sejarah Masyarakat India	18
	Komuniti India sebagai Pekerja Ladang	20
	Pendidikan di kalangan Masyarakat India	21
	Ekonomi Masyarakat India	23
	Cara dan Gaya Hidup Warga Tua	24
	Sumber Kewangan Warga Tua	24
	Penglibatan Warga Tua India dalam Aktiviti Agama	26
	Hubungan Kekeluargaan	29
	Kesedaran Aspek Kesihatan di kalangan Warga Tua	31
	Senaman di Hari Tua	33
	Kehidupan Berkomuniti	34
	Pembangunan Dewasa	36
	Pendidikan Dewasa	44
	Pembelajaran Sepanjang Hayat	53
	Pembelajaran Secara Konteks	55
	Pembelajaran Arah Kendiri	57
	Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman	60
	Pengaruh Budaya dalam Pembelajaran Orang Dewasa	64
	Aspek dan Cara Pembelajaran Warga Tua	66
	Model dan Teori Pembelajaran Orang Dewasa	70



Ringkasan	75
III METODOLOGI	79
Kaedah Penyelidikan	79
Responden Kajian	82
Pengumpulan Data	83
Peralatan Kajian.	86
Kesahihan Dan Kebolehpercayaan	87
Penganalisan Data	90
Andaian	93
Ringkasan	93
IV PENEMUAN KAJIAN	95
Keputusan Analisis Kes	97
Fizikal	103
Psikologi	105
Ekonomi	107
Sosial	110
Ringkasan Kategori	112
Kandungan Dan Tujuan Pembelajaran	114
Kesihatan	114
Pekerjaan dan Tugas Harian	117
Keagamaan	120
Kebajikan	122
Isu Semasa dan Pengetahuan Am	123
Ringkasan	124
Cara Pembelajaran Warga Tua India	125
Pembelajaran Arah Kendiri	126
Pembelajaran Secara Perbincangan	128
Pembelajaran Berpandukan Media Massa	133
Pembelajaran Berasaskan Pengalaman	138
Pembelajaran Dalam Konteks	145
Ringkasan	148
Faktor Mempengaruhi Pembelajaran Warga Tua India	149
Keperluan Hidup Berdikari	149
Kemosotan Tahap Kesihatan	153
Prihatin kepada Keluarga	155
Keinginan untuk Bersosial	156
Keinginan untuk Berehat dan Berekreasi.	158
Rasa Keseorangan.	159
Keinginan Mencari Ketenteraman melalui Pembangunan	
Rohani	161
Keinginan untuk Mengekalkan Identiti Diri	163
Ringkasan	164
Ringkasan Bab	165

V	RINGKASAN, KESIMPULAN, PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	169
	Ringkasan	169
	Kesimpulan dan Perbincangan	174
	Rumusan	202
	Implikasi	204
	Cadangan	205
	RUJUKAN	208
	LAMPIRAN	216
	BIODATA PENULIS	226



Senarai Jadual

Jadual		Muka Surat
1	Jangkaan hayat penduduk kaum India mengikut jantina di Malaysia antara tahun 1991 hingga 1998	3
2	Jumlah penduduk Rawang mengikut kumpulan etnik antara tahun 1957 hingga 2000	6
3	Agihan penduduk Rawang mengikut kumpulan umur antara tahun 1970-1991	7
4	Bilangan pelajar Rawang mengikut tahap pendidikan pada tahun 1980 dan 1991	8
5	Jenis pekerjaan penduduk Rawang pada tahun 1980 dan 1991	9
6	Keadaan fizikal responden	104
7	Latar belakang ekonomi responden	108
8	Keadaan sosial responden	110

Senarai Rajah

Rajah		Muka Surat
1	Karakter orang dewasa	72
2	Model proses pembelajaran	74
3	Kerangka konseptual kajian berdasarkan sorotan literatur	77
4	Kerangka konsep kajian	78
5	Carta minda	96
6	Kerangka konsep berdasarkan temuan kajian	168
7	Peta Rawang	217



BAB I

LATAR BELAKANG KAJIAN

Proses penuaan tidak dapat dielakkan oleh setiap insan yang bakal menjangkau usia tuanya. Seseorang itu didefinisikan sebagai orang tua apabila mencapai umur 60 tahun. Definisi ini merupakan hasil kata sepakat Perhimpunan Dunia tentang Warga Tua, pada tahun 1982 (Malaysia, 1995). Takrif warga tua di Malaysia juga merujuk kepada individu yang berusia 60 tahun ke atas (Malaysia, 1998a). Sejak kebelakangan ini, isu warga tua dibincangkan oleh pelbagai pihak seperti sektor kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Isu ini menjadi perhatian kerana proses penuaan mempunyai implikasi pada kehidupan manusia.

Setiap insan haruslah mempertimbangkan dan peka terhadap sebarang kemusykilan dan kesunyian yang bakal dihadapi pada hari tua nanti. Tambahan lagi isu kesihatan, perumahan dan pendapatan di hari tua kelak menjadi tumpuan. Kajian ini adalah tentang warga tua India di Malaysia. Setakat ini data-data khusus berkaitan fenomena penuaan di kalangan kaum India tidak dapat diperolehi. Oleh itu perbincangan penuaan dimulakan dengan meninjau konteks penuaan secara umum. Amnya, isu penuaan penduduk adalah satu fenomena yang dihadapi oleh semua negara. Proses penuaan lazimnya ditentukan oleh dua faktor utama iaitu :-

- a) penurunan kesuburan
- b) pertambahan jangka hayat antara waktu lahir dan selepas umur 60 tahun yang diimbangi dengan kadar kematian yang rendah (Malaysia, 1998a).

Perkembangan warga tua amat ketara di negara Malaysia, kerana negara ini telah menghadapi perubahan drastik dalam aspek sosioekonomi seperti perubahan peranan



wanita, bentuk pekerjaan dan kemajuan dalam bidang kesihatan. Perubahan dan pembangunan sosioekonomi ini mempunyai implikasi kepada kadar fertiliti dan mortaliti penduduk Malaysia dan secara tidak langsung meningkatkan peratus penduduk tua di Malaysia (Ong, 2003; Zainal dan Roziah, 1998).

Jadual 1 menunjukkan data jangka hayat bagi kaum India di Malaysia dari tahun 1991 hingga 1998 (Malaysia, 1998b). Data menunjukkan pada tahun 1991 kaum lelaki India hidup selama 64.2 tahun dan perempuan selama 71.4 tahun. Jangka hayat bagi lelaki India meningkat lagi dari tahun 1992 hingga 1995. Pada tahun 1992 lelaki mencapai 64.5 tahun, diikuti dengan 64.7 tahun pada tahun 1993 dan 1994. Pada tahun 1995 kaum lelaki India mencapai 65.0 tahun. Begitu juga bagi kaum wanita India yang menunjukkan peningkatan umur dari tahun 1992 hingga 1996.

Masing-masing mencapai 71.9 tahun pada tahun 1992, 72.0 tahun pada 1993, 72.3 tahun pada tahun 1994, 74.6 tahun pada tahun 1995 dan 75.2 tahun pada tahun 1996. Bagaimanapun jangka hayat bagi kaum lelaki menurun kepada 64.8 tahun pada tahun 1996 dan meningkat semula pada tahun 1997 iaitu mencapai 65.4 tahun. Akhirnya jangka hayat ini menurun kepada 65.3 tahun pada tahun 1998. Bagi kaum wanita India jangka hayat menurun pada tahun 1997 iaitu mencapai sebanyak 75.1 tahun dan meningkat semula kepada 76.7 tahun pada tahun 1998.

Jadual 1: Jangkaan hayat penduduk kaum India mengikut jantina di Malaysia antara tahun 1991 hingga 1998

Umur	Lelaki	Perempuan
1991	64.2	71.4
1992	64.5	71.9
1993	64.7	72.0
1994	64.7	72.3
1995	65.0	74.6
1996	64.8	75.2
1997	65.4	75.1
1998	65.3	76.7

Sumber: Malaysia 1998b

Proses penuaan ini memerlukan perhatian semua lapisan masyarakat kerana golongan warga tua mengalami perubahan dan pembangunan sosioekonomi di hari tua (Belanger, 1993a). Tambahan pula warga tua juga mempunyai keperluan khusus dan memberi pelbagai implikasi kepada keluarga, masyarakat dan negara di hari tua (Hamburg Declaration, 2005). Dengan demikian menurut Hamburg Declaration (2005) dan Belanger (1993a), warga tua itu sendiri juga harus bijak menghadapi perubahan dan pembangunan sosioekonomi pada hari tua dan konsep pembelajaran yang sesuai amat penting bagi mengharungi perubahan dan pembangunan tersebut.

Pembelajaran ialah satu proses yang dilalui oleh setiap insan dalam usaha mencari maksud kehidupan (Bonham, 1991). Pembelajaran merupakan satu cara kehidupan iaitu bagaimana manusia bergelut dan mencari jalan penyelesaian bagi menghadapi pembangunan dan perubahan yang sedang dilalui (Taylor, 1996). Perubahan ketara dari

segi fizikal, psikologi dan sosial pada hari tua serta persediaan menangani zaman persaraan memerlukan tahap pembelajaran yang sempurna. Perubahan dan pembangunan sosioekonomi mendorong warga tua menjalani hari tua yang sihat sejahtera dan menggalakkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran (Bonham, 1991).

Banyak kajian yang telah dijalankan tentang aspek pembelajaran lebih memberikan tumpuan kepada orang dewasa yang berusia muda dan selalunya masih bekerja (Belanger, 1993a). Menurut Zainal dan Roziah (1998) pula, banyak kajian juga dijalankan mengenai isu warga tua oleh pengkaji barat berdasarkan pemantauan terhadap nilai kehidupan masyarakat barat. Ternyata bahawa nilai dan gaya kehidupan masyarakat barat amat berbeza berbanding masyarakat timur, khususnya masyarakat Malaysia yang kaya dengan nilai kasih sayang dan tali kekeluargaan (Abdullah, 1996). Perbezaan budaya dan persekitaran mempunyai implikasi terhadap kehidupan dan kebudayaan manusia khususnya warga tua mahupun dari peringkat negara, komuniti, keluarga dan individu itu sendiri. Oleh itu penting melihat kehidupan warga tua dari perspektif komuniti, sebagai satu usaha memahami kehidupan dan pembelajaran warga tua India

Kajian ini bertujuan untuk memahami fenomena pembelajaran warga tua India. Memandangkan orang India mempunyai tahap pendidikan dan sosioekonomi yang rendah sejak zaman pentadbiran British lagi (Daniel, 1981), maka kajian ini bertujuan untuk memahami aspek, cara dan teknik pembelajaran dan faktor yang mempengaruhi aktiviti pembelajaran warga tua India di barat laut Rawang. Satu kajian telah dijalankan

di bahagian barat laut Rawang. Peta Rawang dipaparkan di Lampiran A (Rajah 7, m.s217).

Rawang ialah sebuah mukim di daerah Gombak, Selangor. Kawasan ini telah berkembang menjadi sebuah bandar kecil. Kajian ini dijalankan di kawasan barat laut Rawang kerana bahagian ini mempunyai populasi warga tua India yang agak tinggi dan menjadi kawasan penumpuan penduduk India di Rawang. Terdapat sebanyak empat buah kawasan di bahagian barat laut Rawang. Kawasan ini meliputi Taman Sri Rawang, Taman Garing Jaya, Kuala Garing dan Taman Garing. Penduduk di sini membentuk satu masyarakat majmuk. Mereka terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India, Bangladesh, Indonesia and Pakistan. Mereka tinggal di rumah batu satu tingkat. Kawasan perumahan mereka dilengkapi dengan beberapa kemudahan asas. Kawasan ini dibekalkan dengan sekolah, masjid, kuil, taman permainan dan kedai makanan. Penduduk di kawasan ini hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

Penduduk Rawang

Pada tahun 1957, Rawang telah dibahagikan pada Rawang Town Board dan Rawang New Village. Terdapat seramai 4688 penduduk di Rawang Town Board dan 1617 menetap di Rawang New Village. Antaranya, 618 penduduk terdiri daripada kaum Melayu diikuti dengan 5011 kaum Cina, 646 penghuni India dan 84 kaum lain. Bagaimanapun populasi Rawang telah merosot pada 1970, apabila bilangan penduduk Rawang hanya terdapat sebanyak 2335 orang. Majoriti penduduknya adalah masyarakat Cina iaitu sebanyak 2325 diikuti dengan sembilan orang kaum India dan seorang lelaki Melayu (Malaysia, 1991). Pada tahun 1980 pula bilangan penduduk mula bertambah

menjadi 3427 orang. Tiga per empat daripada penduduknya terdiri daripada orang Cina iaitu sebanyak 2128, 708 orang Melayu, 578 orang India dan 13 orang kaum lain (Jadual 2). Berdasarkan statistik 2000, terdapat seramai 24,505 penghuni di Rawang pada tahun 1991. Bilangan penduduk telah bertambah kepada 67,891 pada tahun 2000 (Malaysia, 2003).

Jadual 2: Jumlah penduduk Rawang mengikut kumpulan etnik antara tahun 1957 hingga 2000

Etnik	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
1957	310	308	2513	2498	400	601	45	39	3268	3091
1970	1	-	1116	1209	6	3	-	-	1123	1212
1980	708	-	2128	-	578	-	13	-	3427	-
1991	-	-	-	-	-	-	-	-	12558	11947
2000	-	-	-	-	-	-	-	-	34918	32973

Sumber: Malaysia 1991, 2000, 2003

L – Lelaki P – Perempuan

Selain daripada kumpulan etnik, statistik penduduk Rawang juga telah dikelasifikasikan mengikut kategori umur. Populasi penduduk Rawang diagihkan mengikut tujuh belas kumpulan umur bermula daripada kosong hingga empat tahun (0-4) sehingga 80 tahun dan ke atas (80+) antara tahun 1970 sehingga tahun 1991 (Jadual 3).

Jadual 3: Agihan penduduk Rawang mengikut kumpulan umur antara tahun 1970-1991

Umur	1970	1980	1991
0-4	435	352	2026
5-9	393	406	2051
10-14	344	412	2031
15-19	219	414	1883
20-24	160	361	1848
25-29	128	286	1939
30-34	121	235	1640
35-39	99	180	1216
40-44	73	183	1094
45-49	70	156	757
50-54	52	108	752
55-59	64	79	502
60-64	53	80	436
65-69	122	175	260
70-74	-	-	209
75-79	-	-	125
80+	-	-	142

Sumber: Malaysia 1991

Populasi penduduk Rawang meningkat dari tahun 1970 hingga 1991 bagi setiap kategori umur. Memandangkan kajian ini tentang warga tua India, maka tumpuan lebih diberikan bagi kategori umur enam puluh tahun dan ke atas (Jadual 3). Pada tahun 1970 terdapat seramai 53 orang penduduk berumur 60-64 tahun dan 122 orang penduduk berusia 65-69 tahun. Bilangan ini bertambah kepada 80 orang bagi kategori umur 60-64 tahun dan 175 bagi umur di antara 65-69 tahun pada tahun 1980. Bagaimanapun populasi ini meningkat pada tahun 1991, iaitu seramai 436 orang penduduk bagi kategori umur 60-64, 260 orang penduduk berusia di antara 65-69 tahun, 209 orang penduduk dalam lingkungan umur 70-74 tahun, 125 orang penduduk berusia di antara 75-79 tahun dan akhirnya terdiri daripada 142 orang penduduk berusia 80 tahun dan ke atas. Walaupun

penduduk berumur enam puluh tahun dan ke atas meningkat dari tahun 1970 hingga 1991, tetapi peningkatannya adalah rendah berbanding dengan bilangan penduduk daripada kategori umur lain. Ini menunjukkan bilangan penduduk Rawang berumur enam puluh tahun dan ke atas adalah rendah dari tahun 1970 hingga 1991.

Jadual 4 menunjukkan tahap pendidikan penduduk Rawang pada tahun 1980 dan 1991. Daripada jadual didapati, majoriti penduduk adalah berpendidikan rendah di antara darjah empat hingga darjah enam (Ren 4-6) iaitu mencapai sebanyak 1018

Jadual 4: Bilangan pelajar Rawang mengikut tahap pendidikan pada tahun 1980 dan 1991

Pendidikan	X Sek	Ren 1-3	Ren 4-6	Men Ren	Men 4-5	Men 6	Vok	Kolej 'U'
1980	911	360	1018	749	331	11	8	10
1991	3849	2207	4059	4421	2888	426	31	610

Sumber: Malaysia 1991 Sek – Sekolah; Ren – Rendah; Men – Menengah;
Vok – Vokasional; 'U' – Universiti

orang dan diikuti dengan tidak bersekolah (X Sek) iaitu seramai 911 orang pada tahun 1980. Pada tahun 1991 penduduk berpendidikan menengah rendah (Men Ren) menunjukkan bilangan paling tinggi iaitu seramai 4421 dan diikuti dengan sekolah rendah di antara darjah empat hingga enam iaitu mencapai sebanyak 4059 serta tidak bersekolah iaitu seramai 3849. Jika diteliti penduduk yang berpendidikan tinggi seperti Tingkatan

Enam (Men), Vokasional (Vok), kolej dan universiti (Kolej “U”) adalah rendah bagi tahun 1980 dan 1991.

Gambaran keseluruhan jadual 5 pula menunjukkan jenis pekerjaan penduduk di Rawang pada tahun 1980 dan 1991. Jadual menjelaskan bahawa kebanyakan penduduk Rawang terlibat dalam jenis pekerjaan bukan pekerja kasar dan pengeluaran, iaitu masing-masing mencapai 1288 dan 422 pada tahun 1980. Keadaan sama dilihat pada tahun 1991 iaitu seramai 7106 penduduk terlibat dalam bidang bukan pekerja kasar dan 3027 dalam bidang pengeluaran. Jadual juga menunjukkan

Jadual 5: Jenis pekerjaan penduduk Rawang pada tahun 1980 dan 1991

Pekerjaan	1980	1991
Profesional teknikal	74	670
Pentadbiran	5	213
Kerani	97	926
Penjual	312	960
Perkhidmatan	185	929
Pertanian, penternakan, perikanan	32	230
Pengeluaran	422	3027
Penganggur	16	
Kurang jelas	93	733
Aktiviti tidak diketahui	60	33
Bukan pekerja kasar	1288	7106

Sumber:Malaysia 1991

penduduk yang terlibat dalam bidang professional teknikal, pentadbiran dan sebagai kerani adalah rendah.